



**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**SEMINAR PERCUKAIAN KOPERASI DAN
MAJLIS PENANDATANGANAN
MEMORANDUM PERSEFAHAMAN
ANTARA ANGKATAN KOPERASI
KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD
(ANGKASA) DAN LEMBAGA HASIL
DALAM NEGERI MALAYSIA (HASiL)**

29 SEPTEMBER 2023 (JUMAAT)

AUDITORIUM ANGKASA

3.30 PETANG

Bismillahirrahmaanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terima Kasih Pengacara Majlis

(Protokol sapaan disediakan di atas rostrum)

1. Pertama sekali marilah kita mengucapkan rasa syukur kepada Allah s.w.t kerana degan limpah izin dan kurniaNya dapat kita berkumpul pada hari ini dalam merencana agenda yang cukup penting untuk

dilunaskan oleh setiap koperasi yang ada di negara ini yakni dalam isu percukaian melalui **SEMINAR PERCUKAIAN KOPERASI- ISU DAN CABARAN SERTA MAJLIS PENANDATANGANAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD (ANGKASA) DAN LEMBAGA**

HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (HASIL)

2.Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan program ini khususnya pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia atas kesudian hadir dalam memberi penerangan

berkenaan percukaaian koperasi pada hari ini dan meneruskan kerjasama dengan ANGKASA dalam isu ini. Terima kasih juga kepada wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang bersama-sama sebagai panelis Seminar Percukaaian Koperasi- Isu dan Cabaran.

3. Terima kasih juga diucapkan kepada koperator yang turut hadir pada hari ini dalam kita memastikan gerakan koperasi juga patuh kepada akta percukaian dan merancang percukaian yang pada masa yang sama dapat meningkatkan pendapatan boleh guna koperasi

Hadirin hadirat dihormati sekalian,

4. Cukai merupakan instrumen ekonomi yang sangat penting bagi mana – mana negara kerana ia merupakan antara sumber utama pendapatan kepada kerajaan dalam memastikan kelancaran urusan mentadbir dan menguruskan negara.

5. Pendapatan daripada cukai ini digunakan untuk pelbagai tujuan pembangunan seperti keselamatan negara, pembangunan fizikal dan infrastruktur, seperti jalan raya, hospital, dan sekolah, serta pembangunan ekonomi dan sosial. Sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, kita semua perlu memahami bahawa

hasil cukai yang dikutip oleh kerajaan, manfaatnya akan dikembalikan dalam pelbagai bentuk khususnya dalam meningkatkan kualiti hidup dan memastikan keberdayaan ekonomi kemajuan negara kita.

6. Sebagai badan puncak yang memayungi gerakan koperasi di

negara ini, adalah amat perlu untuk ANGKASA menekankan betapa pentingnya pemahaman tentang percukaian dalam kalangan anggota koperasi. Koperasi adalah salah satu pembayar cukai di Malaysia, dan walaupun terdapat pengecualian tertentu, pemahaman tentang pengurusan cukai tetap penting

ditekankan dalam kalangan anggota koperasi.

7. Koperasi yang dapat menjalankan perancangan cukai yang baik bukan sahaja memberikan kesan dalam jangka masa pendek seperti meningkatkan pendapatan dan pusingan modal bahkan ia juga dapat

mengelakkan daripada dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa.

8. Oleh kerana itu, ANGKASA telah mengambil tindakan proaktif dengan sekali lagi menandatangani perjanjian persefahaman dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL). Ini adalah kerjasama kali kedua

dilakukan selepas kerjasama pada tahun 2018, dan kali ini ianya lebih fokus kepada meningkatkan kesedaran, pemahaman pengurusan cukai yang lebih efisien, dan pematuhan sistem percukaian di kalangan koperasi di Malaysia.

9. ANGKASA komited meneruskan kerjasama dengan LHDN untuk memastikan gerakan koperasi akan menyumbang kepada kemajuan negara melalui pembayaran cukai. Terdapat pelbagai insentif cukai yang disediakan oleh LHDN, seperti skim pendaftaran cukai secara sukarela.

10. Data terkini menunjukkan bahawa 70% daripada jumlah keseluruhan koperasi berdaftar (15,315 koperasi berdaftar) masih belum mendaftarkan cukai mereka dengan LHDN. Dari 30% yang mendaftarkan, hanya 1,001 koperasi yang merupakan pembayar cukai secara aktif.

11. Oleh sebab itu, ANGKASA akan terus membuat seruan kepada gerakan koperasi untuk merebut Program Khas Pengakuan Sukarela Kepada Koperasi yang membolehkan koperasi mendaftar cukai tanpa dikenakan sebarang penalti oleh LHDN.

12. Kami juga akan menganjurkan bengkel kesedaran, pendidikan dan pengurusan percukaian secara bersama, melibatkan anak syarikat ANGKASA, iaitu ANGKASA Research Certified Sdn Bhd, yang akan memberi tumpuan kepada pengiraan cukai koperasi.

13. Saya yakin melalui usaha ini, kita boleh memastikan bahawa koperasi di Malaysia menjadi pemain ekonomi yang bertanggungjawab dalam pembangunan negara, dan hasil cukai yang diperolehi akan kembali memberi manfaat kepada kita semua.

14. Sekali lagi ANGKASA mengucapkan setinggi - tinggi penghargaan kepada LHDN atas kerjasama berterusan ini dan semoga ianya diperkukuh dari semasa ke semasa dalam kita bersama memperkasa agenda pembangunan negara.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.